

**PANDUAN DAN PERATURAN
PELAKSANAAN SISTEM PENILAIAN LATIHAN KEMAHIRAN
DI INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN
(ILKBS) MALAYSIA**

**PANDUAN PELAKSANAAN
SISTEM PENILAIAN CGPA**

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MALAYSIA**

VERSI : 1.0 (2017)

Panduan ini berkuatkuasa pada Januari 2018. Panduan sebelum ini,
Versi 1.0(2016) adalah DIBATALKAN.



KANDUNGAN

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
1.0	TUJUAN	3
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	TAFSIRAN	4 - 7
4.0	PELAKSANAAN KURSUS DI ILKBS	8
5.0	KOMPONEN PENILAIAN DAN MARKAH LULUS	8 - 14
6.0	PELAKSANAAN PENILAIAN KERJA KURSUS	15 - 24
7.0	PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR & ULANG NILAI	25 - 27
8.0	PELAKSANAAN PENGULANGAN / MEMBAIKI GRED KESELURUHAN	28 - 29
9.0	SISTEM PEMARKAHAN DAN GRED	29 - 30
10.0	PENGREKODAN MARKAH	30
11.0	STATUS KEDUDUKAN AKADEMIK PELAJAR	30
12.0	JAWATANKUASA PEPERIKSAAN IKBN@ILKBS (JKPI)	31
13.0	LEMBAGA PENGESAHAN PEPERIKSAAN (LPP)	31
14.0	URUSAN SERAH TERIMA SIJIL KEPADA PELAJAR	32
15.0	TARIKH BERKUATKUASA	32

SENARAI LAMPIRAN:

Lampiran 1	: FORMULA PENGIRAAN GPA DAN CGPA	33
Lampiran 2	: JADUAL PENGIRAAN MARKAH AKHIR TEORI	34
Lampiran 3	: CARTA LALUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI ILKBS BAGI PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA	35
Lampiran 4	: CARTA LALUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI ILKBS BAGI PERSIJILAN SURUHANJAYA TENAGA	36
Lampiran 5	: SINGKATAN UNTUK DIREKODKAN PADA RUANGAN "CATATAN" BORANG BPKB-PH-004: KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR ILKBS	37-38
Lampiran 6	: SINGKATAN UNTUK DIREKODKAN PADA RUANGAN "CATATAN" BORANG BPKB-PH-004(A): KEPUTUSAN LATIHAN INDUSTRI ILKBS	39-40



PANDUAN DAN PERATURAN PELAKSANAAN SISTEM PENILAIAN LATIHAN KEMAHIRAN DI INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS) MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Panduan dan peraturan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah penilaian latihan yang standard untuk diguna pakai oleh semua ILKBS seluruh negara. Panduan ini menggunakan sistem Purata Nilai Gred (GPA) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) bagi semua program kemahiran yang dilaksanakan di ILKBS.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan satu panduan yang lengkap untuk rujukan dalam melaksanakan penilaian yang seragam, adil dan telus di ILKBS.
- 2.2 Membentuk satu kaedah penilaian yang komprehensif dan bersepadu supaya tidak berlaku pertindihan dengan arahan pelaksanaan penilaian oleh badan-badan persijilan seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Suruhanjaya Tenaga (ST), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- 2.3 Menjelaskan tugas dan tanggungjawab personel yang terlibat untuk melaksanakan penilaian sebagai aktiviti jaminan mutu latihan kemahiran di ILKBS.

3.0 TAFSIRAN

3.1 Dalam peraturan-peraturan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut;

“Amali Akhir” ertinya peperiksaan akhir amali bagi subjek teknikal pada akhir program;

“Core Abilities” ertinya kemahiran generik yang wajib dan diterapkan kepada pelajar berdasarkan kurikulum latihan.

“Modul/Bab/CU” ertinya sesuatu dokumen pembelajaran yang dibentuk melalui tugas-tugas tertentu berdasarkan kurikulum;

“Diploma Teknologi/Diploma Lanjutan Teknologi” ertinya peringkat pengiktirafan yang dianugerahkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada pelajar yang lulus dan memenuhi semua syarat-syarat persijilan yang telah ditetapkan;

“Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) ” ertinya institusi latihan kemahiran awam di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia termasuk Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) dan/atau mana-mana pusat latihan yang dibiayai dan dikawal selia oleh BPKB;

“Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC)” ertinya satu jawatankuasa yang terdiri daripada panel industri dan personel dalaman yang ditubuhkan diperingkat ILKBS untuk membantu dan memberi nasihat dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran di ILKBS untuk memenuhi syarat badan persijilan;

“Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan (JKPK)” ertinya satu jawatankuasa yang ditubuhkan diperingkat BPKB untuk membuat semakan dan pengesahan soalan peperiksaan akhir serta pengesahan keputusan peperiksaan akhir Persijilan Suruhanjaya Tenaga di ILKBS;

“Jawatankuasa Peperiksaan IKBN (JKPI) atau Jawatankuasa Peperiksaan ILKBS(JKPI) ” ertinya satu jawatankuasa yang ditubuhkan diperingkat ILKBS untuk mengawal selia pelaksanaan latihan kemahiran dan membuat semakan serta pengesahan keputusan peperiksaan;

“Ketua Pengawas Luaran (KPL)/Pengawas Luaran (PL)” ertinya mana-mana personel dari ILKBS yang berkelayakan dan dilantik oleh BPKB untuk melaksanakan penugasan verifikasi Sistem Penilaian Kendiri berdasarkan jadual penugasan yang telah ditetapkan;

“Ketua Pengawas Dalaman (KPD)/Pengawas Dalaman (PD)” ertinya mana-mana personel dalaman ILKBS yang bersesuaian dan dilantik oleh Pengarah untuk melaksanakan pengawasan dan pemeriksaan semasa sesi peperiksaan dilaksanakan;

“Ketua Pengajar Elektrik (KPE)/Pengajar Elektrik (PE)” ertinya mana-mana personel persijilan Suruhanjaya Tenaga yang dilantik oleh Pengarah ILKBS untuk mengajar, membuat penilaian, merekod, mengesah dan mentadbir portfolio pelajar bagi subjek elektrik;

“Ketua Pemeriksa Suruhanjaya Tenaga (KPST)/Pemeriksa Suruhanjaya Tenaga (PST)” ertinya mana-mana personel dari ILKBS yang berkeelayakan dan dilantik oleh Ketua Pengarah BPKB untuk melaksanakan penilaian akhir persijilan Suruhanjaya Tenaga berdasarkan jadual penugasan yang telah ditetapkan;

“Kurikulum” ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang diluluskan oleh Lembaga Pengesahan Peperiksaan (LPP), badan persijilan dan keperluan industri semasa;

“Kerja Kursus” ertinya penilaian berterusan yang dibuat bagi setiap elemen penilaian yang terdapat dalam sesuatu subjek dan bukti penilaian mesti direkodkan dalam portfolio pelajar;

“Lembaga Pengesahan Peperiksaan (LPP)” ertinya satu jawatankuasa yang ditubuhkan diperingkat kementerian untuk mengawal selia latihan kemahiran ILKBS dan membuat pengesahan keputusan peperiksaan yang telah disemak dan diputuskan oleh JKPI, mengesahkan pakej pembelajaran yang dibangunkan berdasarkan keperluan badan persijilan;

“Latihan Industri(LI)” ertinya satu subjek wajib lulus kepada pelajar pada setiap peringkat persijilan sebagai pendedahan pekerjaan sebenar;

“Panel Projek Akhir” ertinya satu panel yang terdiri daripada Penyelia Projek Akhir, Panel Kendiri, Panel Industri dan Pengawas Luaran yang menjalankan tugas untuk penilaian projek akhir seseorang pelajar;

“Panel Kendiri” ertinya mana-mana personel yang berkeelayakan dalam sesuatu jabatan di ILKBS dan dilantik oleh Pengarah untuk membuat penilaian projek akhir secara dalaman sama ada di jabatan yang sama atau secara *cross check* dengan jabatan lain;

“Panel Industri” ertinya mana-mana individu daripada pihak industri yang berkeelayakan dan bersesuaian yang dilantik oleh Pengarah untuk membuat penilaian projek akhir di ILKBS pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh ILKBS;

“Pakej Pembelajaran” ertinya dokumen latihan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran yang diluluskan oleh LPP;

“Penyelia Projek Akhir” ertinya mana-mana personel yang berkeelayakan dalam sesuatu Jabatan yang berkenaan di ILKBS yang dilantik oleh Pengarah untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan penyediaan, penilaian dan mengawal selia projek akhir seseorang pelajar di jabatan berkenaan;

“Pengurus Pusat Bertauliah” ertinya seseorang personel ILKBS yang dilantik Ketua Pengarah BPKB untuk mentadbir dan mengurus sesebuah pusat bertauliah untuk memenuhi syarat badan persijilan;

“Peperiksaan Akhir” ertinya peperiksaan yang diadakan pada setiap akhir sesi pengajian yang terdiri daripada peperiksaan teori, amali akhir dan projek akhir;

“Pegawai Verifikasi Subjek (PVS)/Pengajar Subjek (PS)” ertinya mana-mana personel dalam pengajaran Subjek Umum Teknikal/Umum Bukan Teknikal atau mana-mana personel yang berkelayakan yang dilantik oleh Pengarah untuk mengajar, membuat penilaian, merekod, mengesah dan mentadbir portfolio pelajar bagi Subjek Umum Teknikal/Umum Bukan Teknikal;

“Purata Nilai Gred (GPA)” ertinya jumlah purata nilai gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam sesuatu semester;

“Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA)” ertinya jumlah purata nilai himpunan gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi semua semester yang telah diikuti;

“Projek Akhir” ertinya satu subjek atau modul wajib yang menerapkan kreativiti dan inovasi kepada pelajar peringkat persijilan Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan Teknologi atau peringkat persijilan yang ditetapkan;

“Semester” ertinya tempoh masa latihan yang ditetapkan diperingkat kementerian merangkumi masa latihan, penilaian dan peperiksaan akhir;

“Sijil Teknologi/Sijil Lanjutan Teknologi” ertinya peringkat pengiktirafan yang dianugerahkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada pelajar yang lulus dan memenuhi semua syarat-syarat persijilan yang telah ditetapkan;

“Subjek” ertinya sesuatu modul/bab/CU atau gabungan modul/gabungan bab/gabungan CU yang perlu diikuti oleh semua pelajar yang terdiri daripada Subjek Teknikal, Subjek Umum Teknikal, Subjek Umum Bukan Teknikal;

“Subjek Teknikal” ertinya subjek berkaitan dengan suatu program latihan yang ditetapkan oleh badan persijilan atau keperluan industri semasa;

“Subjek Umum Teknikal” ertinya subjek pengukuhan berkaitan dengan suatu program latihan yang ditetapkan oleh badan persijilan dan keperluan industri semasa;

“Subjek Umum Bukan Teknikal” ertinya subjek berkaitan kemahiran insaniah yang ditetapkan oleh LPP.

3.2 Senarai Ringkasan

3.2.1	BPKB	-	Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
3.2.2	CU	-	<i>Competency Unit</i>
3.2.3	JKPI	-	Jawatankuasa Peperiksaan IKBN@ILKBS
3.2.4	JKPK	-	Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan
3.2.5	JKKP	-	Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
3.2.6	JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
3.2.7	KPD	-	Ketua Pengawas Dalaman
3.2.8	KPE	-	Ketua Pengajar Elektrik
3.2.9	KPL	-	Ketua Pengawas Luaran
3.2.10	KPST	-	Ketua Pemeriksa Suruhanjaya Tenaga
3.2.11	LPP	-	Lembaga Pengesahan Peperiksaan
3.2.12	PD	-	Pengawas Dalaman
3.2.13	PE	-	Pengajar Elektrik
3.2.14	PI	-	Panel Industri
3.2.15	PK	-	Panel Kendiri
3.2.16	PL	-	Pengawas Luaran
3.2.17	P	-	Pengajar
3.2.18	PP	-	Pegawai Penilai
3.2.19	PPA	-	Penyelia Projek Akhir
3.2.20	PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
3.2.21	PPD	-	Pegawai Pengesah Dalaman
3.2.22	PS	-	Pengajar Subjek
3.2.23	PST	-	Pemeriksa Suruhanjaya Tenaga
3.2.24	PVS	-	Pegawai Verifikasi Subjek
3.2.25	SKKM	-	Sistem Kredit Kemahiran Malaysia, JPK
3.2.26	ST	-	Suruhanjaya Tenaga
3.2.27	TAC	-	<i>Technical Advisor Committee</i> (Jawatankuasa Penasihat Teknikal)

4.0 PELAKSANAAN KURSUS DI ILKBS

- 4.1 Secara asasnya, pelaksanaan kursus kemahiran di ILKBS adalah berdasarkan konsep latihan bersepadu (Intergrated Approach) dengan menggunakan pakej pembelajaran Kementerian Belia dan Sukan.
- 4.2 Persijilan yang ditawarkan iaitu Sijil Teknologi, Sijil Lanjutan Teknologi, Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan Teknologi.
- 4.3 Sistem latihan ini dilaksanakan secara bersepadu dengan menepati kehendak badan-badan persijilan.
- 4.4 Pelajar diberikan pengecualian kredit mana-mana subjek sekiranya pelajar telah menduduki subjek berkenaan dan telah lulus. Subjek berkenaan hendaklah mempunyai kod dan kredit yang sama.
- 4.5 Pengiraan dan penetapan kredit sesuatu subjek bagi semua kategori merujuk kepada Jadual 1(a) dan Jadual 1(b) di bawah.

TEORI		AMALI	
Tempoh masa (jam)	Kredit	Tempoh masa (jam)	Kredit
5 – 40	1	40 – 80	1
Catatan: Bilangan kredit minimum sesuatu subjek : 1 kredit Bilangan kredit maksimum sesuatu subjek : 4 kredit			

Jadual 1(a) : Penetapan kredit subjek

TEORI ÷ 40 + AMALI ÷ 80 = JN	KREDIT
$0.1 \leq JN < 1.5$	1
$1.5 \leq JN < 2.5$	2
$2.5 \leq JN < 3.5$	3
$3.5 \leq JN < 4.5$	4

Jadual 1(b) : Julat nisbah jumlah jam Teori dan Amali

5.0 KOMPONEN PENILAIAN DAN MARKAH LULUS

5.1 Program Sijil Teknologi dan Sijil Lanjutan Teknologi

- i. Subjek Teknikal
- ii. Subjek Umum Teknikal
- iii. Subjek Umum Bukan Teknikal
- iv. Core Abilities
- v. Latihan Industri

5.2 Program Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan Teknologi

- i. Subjek Teknikal
- ii. Subjek Umum Teknikal
- iii. Subjek Umum Bukan Teknikal
- iv. Core Abilities
- v. Latihan Industri
- vi. Projek Akhir

5.3 Komponen penilaian dan markah lulus setiap komponen penilaian bagi semua program diringkaskan dalam Jadual 2.

BIL	PROGRAM	JADUAL RUJUKAN
1	PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI	JADUAL 4
2	PROGRAM SIJIL LANJUTAN TEKNOLOGI	JADUAL 5
3	PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI	JADUAL 6
4	PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN TEKNOLOGI	JADUAL 7

Jadual 2 : Ringkasan Jadual Pemarkahan Penilaian dan Peperiksaan Akhir

5.4 Pelaksanaan pemarkahan dan gred baru di ILKBS berasaskan sistem pemarkahan mengikut Sistem Kredit Kemahiran Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran seperti Jadual 3.

Komponen Penilaian	Jenis Penilaian	Pengiraan Markah Komponen Penilaian Mengikut Tahap Persijilan					
		TAHAP 1 – 3		Min (%)	DKM & DLKM		Min (%)
Kerja Kursus	Pengetahuan	10%	40%	6%	15%	40%	9%
	Prestasi	30%		18%	25%		15%
Penilaian Akhir	Pengetahuan	20%	60%	12%	25%	60%	15%
	Prestasi	40%		24%	35%		21%
*Core Abilities • Tahap 1-3 • DKM • *DLKM	Pengetahuan	Markah minimum lulus 60%					
	Prestasi	Sekurang-kurangnya skala 3					
Markah Keseluruhan		100%		60%		100%	60%
Projek Akhir (PA)						100%	60%
*Latihan Industri (LI)						LULUS	

Jadual 3 : Pemarkahan Sistem Kredit Kemahiran Malaysia

Catatan :

1. Tanda (*) bermaksud tertakluk kepada syarat dan peraturan badan persijilan.

PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		KERJA KURSUS				PEPERIKSAAN AKHIR				JUMLAH	
			TEORI		AMALI / PRESTASI		TEORI		AMALI			
			Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum
1.	JPK	SUBJEK TEKNIKAL (Sem 1 & 2)	10	6.00 (60%)	70	42.00 (60%)	20.0	12.00 (60%)			100.00	60.00
2.		CORE ABILITIES	50	30.00 (60%)	50	30.00 (60%)					100.00	60.00
3.		AMALI AKHIR JPK (Semua Tahap)							100.0	60.00	100.00	60.00
4.	JKKP	SUBJEK TEKNIKAL – (SCF 01)					100.0	65.00			100.00	65.00
5.		SUBJEK TEKNIKAL –(SCF 02)					100.0	65.00			100.00	65.00
6.		AMALI AKHIR JKKP (SCF 01, SCF 02)							100.0	65.00	100.00	65.00
7.	ST	SUBJEK TEKNIKAL (PW2 – Sem. 1 dan 2)	15	9.75 (65%)	65	42.25 (65%)	20.0	8.00 (40%)			100.00	60.00
8.		SUBJEK TEKNIKAL (PW2 – Sem. 4)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
9.		TEORI AKHIR – ST- PW2					100.0	65.00			100.00	65.00
10.		AMALI AKHIR – ST- PW2							100.0	65.00	100.00	65.00
11.		LISAN – ST- PW2					100.0	65.00			100.00	65.00
12.	KBS @ *BP	SUBJEK UMUM TEKNIKAL/UMUM BUKAN TEKNIKAL	60	45.00 (75%)			40.0	15.00 (37.5%)			100.00	60.00
13.		LATIHAN INDUSTRI			100	50.00 (50%)					100.00	50.00

Jadual 4 : Pemarkahan Penilaian Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir Program Sijil Teknologi

PROGRAM SIJIL LANJUTAN TEKNOLOGI

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		KERJA KURSUS				PEPERIKSAAN AKHIR				JUMLAH	
			TEORI		AMALI / PRESTASI		TEORI		AMALI			
			Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum
1.	JPK	SUBJEK TEKNIKAL – JPK (Sem.1 – 4)	10	6.00 (60%)	70	42.00 (60%)	20	12.00 (60%)			100.00	60.00
2.		CORE ABILITIES	50	30.00 (60%)	50	30.00 (60%)					100.00	60.00
3.		AMALI AKHIR (Semua Tahap)							100.0	60.00	100.00	60.00
4.	JKKP	SUBJEK TEKNIKAL (SCF 03 -Tertinggi)					100	65.00			100.00	65.00
5.		AMALI AKHIR (SCF 03 Tertinggi)							100.0	65.00	100.00	65.00
6.	ST	SUBJEK TEKNIKAL (PW4 – 2T- Sem 1 dan 2)	15	9.75 (65%)	65	42.25 (65%)	20	8.00 (40%)			100.00	60.00
7.		SUBJEK TEKNIKAL (PW4 – 2T- Sem 4)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
8.		SUBJEK TEKNIKAL (PW4 – 1T –Sem 5 dan 6)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
9.		TEORI AKHIR – PW4 – 1T dan 2T					100	65.00			100.00	65.00
10.		AMALI AKHIR – PW4 – 1T dan 2T							100.0	65.00	100.00	65.00
11.		LISAN – PW4 – 1T dan 2T					100	65.00			100.00	65.00
12.	KBS @	SUBJEK UMUM TEKNIKAL/ UMUM BUKAN TEKNIKAL	60	45.00 (75)%			40	15.00 (37.5%)			100.00	60.00
13.	*BP	LATIHAN INDUSTRI			100	50.00 (50)%					100.00	50.00

Jadual 5 : Pemarkahan Penilaian Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir Program Sijil Lanjutan Teknologi
Catatan : 2T = 2 tahun; 1T = 1 Tahun

PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		KERJA KURSUS				PEPERIKSAAN AKHIR				JUMLAH	
			TEORI		AMALI / PRESTASI		TEORI		AMALI			
			Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum
1.	JPK	SUBJEK TEKNIKAL - (Sem. 5 – 6)	15	9.00 (60%)	60	36.00 (60%)	25	15.00 (60%)			100.00	60.00
2.		CORE ABILITIES	50	30.00 (60%)	50	30.00 (60%)					100.00	60.00
3.		AMALI AKHIR JPK – (Semua Tahap)							100	60.00 (60%)	100.00	60.00
4.		PROJEK AKHIR			100	60.00 (60%)					100.00	60.00
5.	ST	SUBJEK TEKNIKAL (A1-3T- Sem1 dan 2)	15	9.75 (65%)	65	42.25 (65%)	20	8.00 (40%)			100.00	60.00
6.		SUBJEK TEKNIKAL (A1-3T- Sem. 6)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
7.		SUBJEK TEKNIKAL (A1-1T- Sem. 5 dan 6)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
8.		SUBJEK TEKNIKAL (A0-1T- Sem. 5 dan 6)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
9.		SUBJEK TEKNIKAL (A4-1T- Sem. 7 dan 8)	30	19.50 (65%)	70	45.50 (65%)					100.00	65.00
10.		TEORI AKHIR - (A0,A1,- Sem. 6) & (A4 – Sem 8)					100	65.00 (65%)			100.00	65.00
11.		AMALI AKHIR – (A0,A1,- Sem. 6) & (A4 – Sem 8)							100	65.00 (65%)	100.00	65.00
12.		LISAN (A0,A1,- Sem. 6) & (A4 – Sem 8)							100	65.00 (65%)	100.00	65.00
13.	KBS @ *BP	SUBJEK UMUM TEKNIKAL / UMUM BUKAN TEKNIKAL	60	45.00 (75%)			40	15.00 (37.5%)			100.00	60.00
14.		LATIHAN INDUSTRI			100	50.00 (50%)					100.00	50.00

Jadual 6 : Pemarkahan Penilaian Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir Program Diploma Teknologi

PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN TEKNOLOGI

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		KERJA KURSUS				PEPERIKSAAN AKHIR				JUMLAH	
			TEORI		AMALI / PRESTASI		TEORI		AMALI			
			Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum (% Lulus Minimum)	Markah Penuh	Markah Lulus Minimum
1.	JPK	SUBJEK TEKNIKAL – (Sem. 7, 8 dan 10)	15	9.00(60%)	60	36.00 (60%)	25	15.00 (60%)			100.00	60.00
2.		PROJEK AKHIR JPK			100	60.00 (60%)					100.00	60.00
3.		AMALI AKHIR JPK (Semua Tahap)							100	60.00	100.00	60.00
4.	KBS @ *BP	SUBJEK UMUM TEKNIKAL / UMUM BUKAN TEKNIKAL	60	45.00 (75%)			40	15.00 (37.5%)			100.00	60.00
5.		LATIHAN INDUSTRI			100	50.00 (50%)					100.00	50.00

Jadual 7 : Pemarkahan Penilaian Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir Program Diploma Teknologi

Catatan : * BP = Badan Persijilan



6.0 PELAKSANAAN PENILAIAN KERJA KURSUS

6.1 Subjek Teknikal

- 6.1.1 Penilaian kerja kursus setiap subjek teknikal dibuat terhadap kefahaman teori dan amali.
- 6.1.2 Penilaian teori dan amali boleh dilaksanakan dengan gabungan beberapa modul/bab/CU atau boleh mengikut modul/bab/CU secara berasingan dalam satu-satu subjek.
- 6.1.3 Kertas penilaian pengetahuan, ujian, penilaian prestasi atau amali yang telah dinilai oleh Pengajar (P) atau Pegawai Penilai (PP) atau Pengajar Elektrik (PE) **mesti** disahkan oleh Pegawai Pengesahan Dalaman (PPD) atau Ketua Pengajar Elektrik (KPE) dan bukti berkenaan disimpan dalam portfolio subjek teknikal pelajar.
- 6.1.4 Penilaian tugas bertulis yang telah dinilai oleh Pengajar (P) atau Pegawai Penilai (PP) atau Pengajar Elektrik (PE) **hendaklah** disahkan oleh Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) atau Ketua Pengajar Elektrik (KPE) dan bukti berkenaan disimpan dalam portfolio subjek teknikal pelajar.
- 6.1.5 Pelajar wajib lulus setiap elemen kerja kursus (teori dan amali/prestasi) bagi semua modul/bab/CU dalam setiap subjek sebelum **layak** menduduki peperiksaan akhir **subjek berkenaan**.

6.1.6 Pelaksanaan dan pemarkahan kerja kursus teori setiap subjek merujuk kepada Jadual 8, Jadual 9 dan Jadual 10.

PERSIJILAN	PECAHAN MARKAH		
	A*	B**	JUMLAH
Persijilan JPK – Semester 1- 4, SKM Tahap 1 – 3	6	4	10
Persijilan JPK - Semester 5 -10, DKM 4, DLKM 5	10	5	15
<ul style="list-style-type: none"> • ST PW2 – Sem 1 dan 2 • ST A1 3T – Sem 1 dan 2 • ST PW4 2T – Sem 1 dan 2 	10	5	15
<ul style="list-style-type: none"> • ST PW2 – Sem 4 • ST PW4 2T – Sem 4 • ST PW4 1T – Sem 5 dan 6 • ST A0 1T – Sem 5 dan 6 • ST A1 1T – Sem 5 dan 6 • ST A1 3T – Sem 6 • ST A4 1T – Sem 7 dan 8 	20	10	30

Jadual 8 : Pecahan Pemarkahan Kerja Kursus Teori Subjek Teknikal

A* = Ujian (ST) /Penilaian Pengetahuan (JPK)

B** = Tugas Bertulis

- Kuiz (Minimum 2x); atau
- Tugas (Minimum 1x); atau
- Lisan (Minimum 1x) (Wajib bagi ST semester akhir)

Nota:

Penilaian ulangan bagi setiap kaedah penilaian dilakukan maksimum 3 kali.

(P/PS/PE/PP hendaklah mengeluarkan memo arahan/makluman penilaian ulangan hendaklah dikeluarkan kepada pelajar)

TUGASAN BERTULIS – KUIZ @ TUGASAN @ LISAN : 4 Markah

Pelajar	Markah diperolehi kali pertama	Status Kali Pertama (Lulus / Gagal)	Markah Ulangan (Bil. Ulangan maksimum 3 kali)			Pelaksanaan Pembetulan	Pemarkahan sebenar diperolehi (a)	Markah sebenar [4% drpd a]	Status (Lulus / Gagal)	Catatan
	(%)		U 1	U 2	U 3		(%)			
A	100	Lulus	Tidak perlu			Tidak Perlu	100.0	4.00	T/B	-
B	90	Lulus	Tidak perlu			Tidak Perlu	90.0	3.60	T/B	-
C	59	Gagal	40	80	-	Tidak Perlu	60.0	2.40	Lulus	U2 dibuat sbb U1 masih gagal
D	40	Gagal	45	55	50	Tidak Perlu	55.0	2.20	Gagal	Markah U2 diambil kira.

PENILAIAN PENGETAHUAN / UJIAN TEORI : 6 Markah

Pelajar	Markah diperolehi kali pertama	Status Kali Pertama (Lulus / Gagal)	Markah Ulangan (Bil. Ulangan maksimum 3 kali)			Pelaksanaan Pembetulan	Pemarkahan sebenar diperolehi (a)	Markah sebenar [6% drpd a]	Status (Lulus / Gagal)	Catatan
	(%)		U 1	U 2	U 3		(%)			
A	100	Lulus	Tidak Perlu			Tidak Perlu	100.0	6.00	T/B	-
B	45	Gagal	50	58	54	Tidak Perlu	58.0	3.48	Gagal	Markah U2 diambil kira.
C	85	Lulus	Tidak Perlu			Perlu Buat	85.0	5.10	Lulus	-
D	55	Gagal	35	76	-	Perlu Buat	60.0	3.60	Lulus	U2 dibuat sbb U1 masih gagal

MARKAH LULUS SETIAP ELEMEN

Pelajar	TUGASAN BERTULIS [4 markah]	PENILAIAN PENGETAHUAN [6 markah]	JUMLAH MARKAH TEORI [10]	STATUS
	[Markah Lulus = 2.40]	[Markah Lulus = 3.60]	[Lulus = 6]	
A	4.00	6.00	10.00	Lulus
B	3.60	3.48	7.08 (<i>Markah maksimum gagal diambil kira iaitu 5.99</i>)	Gagal
C	2.40	5.10	7.50	Lulus
D	2.20	3.60	5.80	Gagal

Jadual 9 : Contoh Pelaksanaan Kerja Kursus Teori (10) Subjek Teknikal Bagi Program Sijil Teknologi/Sijil Lanjutan Teknologi

T/B = Tidak berkaitan

UJIAN AMALI / PENILAIAN PRESTASI (SUBJEK TEKNIKAL) : 70 Markah									
Pelajar	Markah diperolehi kali pertama	Status Kali Pertama (Lulus / Gagal)	Markah Ulangan (Bil. Ulangan maksimum 2 kali)		Pelaksanaan Pembetulan	Markah sebenar diperolehi	Markah sebenar [70 markah]	Status (Lulus / Gagal)	Catatan
	(%)		U 1	U 2		(%)			
A	100	Lulus	Tidak perlu		Tidak perlu	100.0	70.00	Lulus	-
B	90	Lulus	Tidak perlu		Tidak perlu	90.0	63.00	Lulus	-
C	58	Gagal	50	74	Tidak perlu	60.0	42.00	Lulus	Markah minimum lulus diambil kira
D	59	Gagal	45	55	Tidak perlu	59.0	41.30	Gagal	Markah sebenar diperolehi adalah markah tertinggi penilaian yg dibuat

Jika ada lebih daripada 1 CU/Modul/Bab dalam setiap subjek, penilaian setiap CU/Modul/Bab wajib lulus. Mana-mana modul yang gagal perlu dibuat pengulangan. Markah purata yang telah lulus di ambil kira.

Jadual 10 : Contoh Pelaksanaan Kerja Kursus Amali/Penilaian Prestasi (Subjek Teknikal) Bagi Program Sijil Teknologi/Sijil Lanjutan Teknologi

6.2 Subjek Umum Teknikal/Umum Bukan Teknikal

- 6.2.1 Markah minimum lulus keseluruhan ialah 60%.
- 6.2.2 Penilaian kerja kursus merangkumi elemen kehadiran, kuiz, tugas@ kerja lapangan@praktikal, dan ujian teori.
- 6.2.3 Subjek dikira lulus sekiranya elemen kehadiran, ujian teori, markah kerja kursus dan markah keseluruhan mendapat markah minimum lulus.
- 6.2.4 Pelajar layak untuk menduduki peperiksaan akhir jika elemen kehadiran, elemen ujian teori dan markah kerja kursus mendapat markah lulus minimum.
- 6.2.5 Sekiranya penilaian tidak mencapai markah minimum (*kecuali elemen kehadiran, kuiz dan tugas/kerja lapangan/praktikal*), ulangan perlu dilakukan dan markah minimum lulus diambil kira. Maksimum pelaksanaan ulangan ialah tiga kali.
- 6.2.6 Sekiranya penilaian sebenar atau penilaian ulangan telah mendapat markah lulus, tidak perlu membuat pembetulan.

- 6.2.7 Setiap kertas penilaian yang telah dinilai oleh Pengajar Subjek (PS) **mesti** disimpan bukti berkenaan di dalam portfolio subjek umum pelajar.
- 6.2.8 PVS **hendaklah** menyemak dan membuat pengesahan sekurang-kurang 10% daripada portfolio pelajar dengan semakan keseluruhan ke atas bukti penilaian yang telah dibuat penilaian oleh PS dalam portfolio yang terpilih.
- 6.2.9 Kaedah/kriteria pemarkahan kerja kursus dan peperiksaan rujuk Jadual 11.
- 6.2.10 Contoh pelaksanaan penilaian dan pengiraan merujuk kepada Jadual 12.

MARKAH PENUH KERJA KURSUS [60]		
ELEMEN	KAEDAH/KRITERIA PEMARKAHAN	MARKAH SEBENAR DIPEROLEHI
1.	KEHADIRAN [10]	
a	95 -100%	10.0
b	90 – 94%	9.0
c	80 – 89%	8.0
d	< 80%	0.0
	Markah Minimum Lulus [W]	8.0
2.	KUIZ [6] – minimum 2 kali	
	Markah Minimum Lulus [X]	Tiada
3.	TUGASAN/KERJA LAPANGAN/PRAKTIKAL [24] - mimimum sekali	
	Markah Minimum Lulus [Y]	Tiada
4.	UJIAN TEORI [20]- minimum 2 kali	
	Markah Minimum Lulus [Z]	12.0
MARKAH MINIMUM LULUS KERJA KURSUS [W+X+Y+Z]= [X+Y+20]= A		45.0
MARKAH PEPERIKSAAN AKHIR (PA) [40]		
MARKAH MINIMUM LULUS PA = B		15.0
MARKAH LULUS MINIMUM SUBJEK = A + B		60.0
<p><i>ARAHAN : Markah [0] peperiksaan akhir diberikan kepada pelajar yang tidak hadir tanpa kebenaran atau tidak layak menduduki disebabkan tidak cukup syarat semasa Peperiksaan Akhir sesuatu subjek dijalankan. Hanya Ujian Teori sahaja yang digunakan sebagai bukti penilaian Core Ability teori (jika penilaian yang dibuat ada kaitan dengan mana-mana ability)</i></p>		

Jadual 11 : Kaedah/kriteria Pemarkahan Kerja Kursus Subjek Umum Teknikal / Subjek Umum Bukan Teknikal

Contoh pelaksanaan: Pelajar A. Subjek UIT 1111.

Kehadiran ialah 90%.bersamaan 9 markah.

Pelajar A melaksanakan penilaian elemen 2, elemen 3 dan elemen 4 seperti dalam jadual 12.

ELEMEN 2: KUIZ [6 Markah]										
PELAJAR A	Markah diperolehi kali pertama	Status Kali Pertama (Lulus / Gagal)	Markah Ulangan (Bil. Ulangan maksimum 3 kali)	Pelaksanaan Pembetulan	Markah sebenar penilaian diperolehi	Markah sebenar [6 markah]	Status (Lulus / Gagal)	Catatan		
	(%)				(%)					
Kuiz 1	100.00	TB	Tiada	Tidak Perlu	100.00	6.00	TB	-		
Kuiz 2	70.00	TB	Tiada	Tidak Perlu	70.00	4.20	TB	-		
Kuiz 3	50	TB	Tiada	Tidak Perlu	50	3.00	TB	-		
Markah sebenar kuiz Pelajar A dapat (markah yang diambil kira untuk kerja kursus)						$(6+4.20+3.00)/3 = 4.40$	TB			
ELEMEN 3: TUGASAN/KERJA LAPANGAN/PRAKTIKAL [24 Markah]										
PELAJAR A	Markah diperolehi kali pertama	Status Kali Pertama (Lulus / Gagal)	Markah Ulangan (Bil. Ulangan maksimum 3 kali)	Pelaksanaan Pembetulan	Markah sebenar penilaian diperolehi	Markah sebenar [24 markah]	Status (Lulus / Gagal)	Catatan		
	(%)				(%)					
Tugasan 1	100.00	TB	Tiada	Tidak Perlu	100.00	24.00	TB	-		
Kerja Lapangan 1	85.00	TB	Tiada	Tidak Perlu	85.00	20.40	TB	-		
Markah sebenar penilaian elemen 3 Pelajar A dapat (markah yang diambil kira untuk kerja kursus)						$(24.00+20.40)/2 = 19.60$	TB			
ELEMEN 4: UJIAN TEORI [20 Markah]										
PELAJAR A	Markah diperolehi kali pertama	Status Kali Pertama (Lulus / Gagal)	Markah Ulangan (Bil. Ulangan maksimum 3 kali)			Pelaksanaan Pembetulan	Markah sebenar penilaian diperolehi	Markah sebenar [20 markah]	Status (Lulus / Gagal)	Catatan
	(%)		U 1	U 2	U 3		(%)			
Ujian Teori 1	100.00	Lulus	Tidak Perlu			Tidak Perlu	100.00	20.00	Lulus	-
Ujian Teori 2	55	Gagal	35	58	76	Tidak Perlu	60.00	12.00	Lulus	Markah minimum lulus diambil kira
Markah sebenar penilaian elemen 4 Pelajar A dapat (markah yang diambil kira untuk kerja kursus)						$(20.00+12.00)/2 = 16.00$	lulus	Layak pep. Akhir		
MARKAH KERJA KURSUS(MKK) PELAJAR A BAGI SUBJEK UIT 1111					$9.00+4.40+19.60+16.00 = 49.00$		MKK > 45 . Layak peperiksaan akhir			

TB = Tidak berkaitan

Jadual 12 : Contoh Pelaksanaan Penilaian Kerja Kursus Subjek Umum Teknikal / Umum Bukan Teknikal

6.3 Core Abilities

- 6.3.1 *Core abilities* adalah satu syarat wajib lulus bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.
- 6.3.2 Pelajar tidak layak menduduki mana peperiksaan akhir teori dan amali atau teori atau amali sekiranya gagal *core abilities*.
- 6.3.3 **Hanya ujian teori** sahaja yang dinilai semasa pembelajaran subjek umum teknikal/ umum bukan teknikal **boleh** digunakan sebagai bukti untuk penilaian teori *core ability*.
- 6.3.4 Salinan penilaian dalam penilaian subjek berkenaan hendaklah dicopkan SALINAN DIAKUI SAH oleh PS atau P atau PP untuk direkod pemarkahan dan disimpan dalam portfolio *core abilities*. Pemarkahan dan kesetaraan *core abilities* seperti Jadual 13.

SUBJEK	GRED		MARKAH
Core Abilities (NCS) Teori	LULUS		≥ 60
	GAGAL <i>(Perlu buat ulangan. Maksimum 3 kali)</i>		< 60
KESETARAAN PENILAIAN CORE ABILITIES AMALI / PENILAIAN PRESTASI			
SUBJEK	GRED	MARKAH	Skala CA: Markah Ability
Core Abilities (NCS) Amali	LULUS	≥ 60	1: 0-30 2: 31-59 3: 60-74 4: 75-89 5: 90-100
	GAGAL <i>(Perlu buat ulangan. Maksimum 2 kali)</i>	< 60	

Jadual 13 : Pemarkahan dan Kesetaraan Core Abilities

Catatan : Sekiranya lulus, tidak perlu membuat pembetulan.

6.4 Pelaksanaan Latihan Industri

- 6.4.1 Pelajar **wajib** menjalani latihan industri dan berstatus **lulus** sebagai pra syarat untuk dianugerahkan sijil peringkat program masing-masing.
- 6.4.2 Pelajar program Diploma dan Diploma Lanjutan **wajib** menjalani latihan industri dan berstatus **lulus** sebagai syarat untuk dipersijilkan peringkat program masing-masing
- 6.4.3 Pelajar yang berstatus **lulus** setelah menduduki peperiksaan akhir semester yang berkenaan sahaja **dibenarkan** untuk menjalani Latihan Industri.
- 6.4.4 Pelajar ILKBS **tidak dibenarkan** menjalani Latihan Industri di dalam ILKBS.
- 6.4.5 Pelajar ILKBS **mesti** menjalani Latihan Industri di premis/syarikat/kilang yang bersesuaian sekurang-kurangnya memenuhi 60% dalam bidang yang dipelajari. Walaubagaimanapun Pengarah ILKBS dengan budi bicaranya boleh meluluskan penempatan bagi LI pelajar ditempat yang lain sekiranya industri yang dikenal pasti bagi tujuan ini tidak mencapai peratusan yang ditetapkan atau demi kepentingan Kementerian Belia dan Sukan atau pihak Kerajaan.
- 6.4.6 Bagi pelajar program Sijil Teknologi dan Sijil Lanjutan Teknologi, keputusan Latihan Industri hendaklah dinyatakan di dalam **sijil atau slip Latihan Industri setelah disahkan dalam mesyuarat JKPI.**
- 6.4.7 Bagi pelajar yang **gagal atau lulus bersyarat** Latihan Industri, tidak layak untuk dianugerahi Sijil Teknologi, Sijil Lanjutan Teknologi, Diploma Teknologi atau Diploma Lanjutan Teknologi masing- masing. Dalam kes ini;
 - 6.4.7.1 Pelajar dibenarkan mengulang LI sekali sahaja di dalam tempoh setahun selepas tamat pengajian atau selepas kali pertama menjalani LI kali pertama.
 - 6.4.7.2 Pelajar tidak layak mendapat elaun semasa dalam tempoh mengulang.

6.4.8 Penilaian Latihan Industri dibuat sepanjang tempoh pelajar menghadiri latihan di industri. Ia dinilai berdasarkan empat komponen utama iaitu laporan akhir, rekod buku log, ulasan majikan dan kehadiran. Kriteria pemarkahan LI merujuk Jadual 14.

BIL.	ELEMEN PENILAIAN	PEMARKAHAN		
		Program Sijil	ST	Program Diploma
1.	➤ KEHADIRAN			
	95 – 100%	40	40	30
	90 – 94%	30	30	20
	80 – 89%	15	0	10
	50 – 79%	5	0	5
	<50%	0	0	0
2.	Rekod buku log	40	40	10
3.	Laporan akhir (Wajib lulus)			40 (Minima lulus = 20)
4.	Ulasan majikan (Wajib lulus)	20	20	20 (Minima lulus = 10)
Markah keseluruhan		100	100	100
Markah lulus		50	50	50
Tidak Tamat Latihan Industri @ Markah <50		GAGAL LI	Lulus Bersyarat (Mengulang LI) *Tanpa Elaun	Lulus Bersyarat (Mengulang LI) *Tanpa Elaun

Jadual 14 : Kriteria Pemarkahan Latihan Industri

6.5 Pelaksanaan Projek Akhir (Program Diploma dan Diploma Lanjutan)

6.5.1 Pihak ILKBS hendaklah menentukan tajuk Projek Akhir kepada pelajar dengan mengambil kira sekurang-kurangnya pemilihan dan penghasilan projek berkenaan memenuhi 60% kurikulum yang telah atau sedang yang dipelajari dalam sesuatu bidang.

6.5.2 Penilaian projek akhir dibuat berdasarkan hasil keseluruhan (50%), Laporan (25%) dan persembahan (25%). Rujuk Jadual 15 di bawah;

PERKARA DINILAI	PERINCIAN	PEMARKAHAN	PERATUSAN SUMBANGAN MARKAH	
			100% (Maksimum sumbangan setiap	60% (Sekiranya ketidakhadiran
Hasil keseluruhan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan • Kreativiti • Komitmen • Kebolehgunaan • Kefungsian projek • Skop tugas 	50	PPA = 20%	12%
			PK = 30%	18%
Laporan projek	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Format • Rujukan • Keseluruhan 	25	PL = 20%	12%
			PI = 20%	12%
Persembahan projek	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Penggunaan AVA • Persediaan • Gaya penyampaian • Soal jawab • Komunikasi 	25	PK = 35%	21%
			PL = 30%	18%
Markah keseluruhan		100	<i>Penyelia Projek Akhir = PPA Panel Kendiri = PK Pengawas Luaran = PL Panel Industri = PI</i>	
Markah minimum lulus		60		
Gred		WAJIB LULUS		

Jadual 15 : Perincian Pemarkahan Projek Akhir

6.5.3 Sumbangan peratusan pemarkahan Panel Projek Akhir seperti Jadual 16:

BIL.	PANEL PROJEK AKHIR	DILANTIK SEBAGAI	SUMBANGAN MARKAH (%)
a	Panel Dalaman	1. Penyelia Projek Akhir (PPA)	0% - 40%
		2. Panel Kendiri (PK)	0% - 35%
b	Panel Luaran	1. Panel Industri (PI)	0% - 35%
		2. Pengawas Luaran (PL)	0% - 30%

Jadual 16 : Perincian Sumbangan Panel Projek Akhir

6.5.4 Masa persembahan projek akhir :

Kriteria	Persediaan	Persembahan	Soal jawab
Masa	5 minit	20 minit	5 minit

6.5.5 Pengulangan projek akhir hendaklah dilaksanakan dalam tempoh setahun selepas keputusan pertama.

6.5.6 Sekiranya mana-mana Panel Projek Akhir tidak dapat hadir kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, 60% daripada peratusan sumbangan pemarkahan hendaklah diberikan terus kepada pelajar.

7.0 PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR & ULANG NILAI

- 7.0.1 Jadual Induk peperiksaan diselaraskan dan dikeluarkan oleh BPKB.
- 7.0.2 Format kertas soalan adalah seragam mengikut ketetapan BPKB.
- 7.0.3 Semua set soalan untuk dihantar ke badan persijilan diselaraskan oleh BPKB.
- 7.0.4 Dilaksanakan pada bulan April/Jun bagi Sesi 1 dan Oktober/Disember bagi Sesi 2 setiap tahun dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.
- 7.0.5 Pihak ILKBS hendaklah memohon penugasan pengawas luaran ke BPKB bagi tujuan peperiksaan akhir sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum peperiksaan akhir dilaksanakan.
- 7.0.6 Calon yang DATANG LEWAT (**melebihi 15 minit dari waktu mula peperiksaan**) TIDAK AKAN DIBENARKAN masuk ke dalam tempat peperiksaan, KECUALI **boleh meyakini dan mengemukakan alasan yang munasabah** kepada **KPD/KPL/KPST**.
- 7.0.7 Calon yang diambil tindakan kerana meniru semasa peperiksaan akhir, markah sifar akan diberikan kepada calon berkenaan.
- 7.0.8 Calon peperiksaan akhir tertakluk kepada peraturan dan panduan yang sedang atau yang akan berkuatkuasa.

7.1 Peperiksaan Akhir Subjek Teras/Teknikal

7.1.1 Syarat menduduki peperiksaan akhir bagi **setiap subjek**;

7.1.1.1 Peperiksaan Akhir Teori

- i. Lulus Core Abilities (*tertakluk kepada keperluan badan persijilan*); dan
- ii. Jumlah kehadiran bagi subjek berkenaan mestilah sekurang-kurangnya 80%; dan
- iii. Semua komponen penilaian kerja kursus teori dan amali/prestasi bagi subjek berkenaan mestilah lulus.

7.1.1.2 Peperiksaan Amali Akhir

- i. Lulus Core Abilities (*tertakluk kepada keperluan badan persijilan*); dan
- ii. **Purata kehadiran** bagi semua subjek teknikal mestilah sekurang-kurangnya 80%.

Nota : *Gagal Core Abilities tidak melayakkan pelajar menduduki peperiksaan akhir teori bagi semua subjek teknikal dan peperiksaan Amali Akhir. Pelajar yang tidak layak menduduki peperiksaan akhir , markah [0] akan diberikan.*

7.1.2 Teori Akhir

- 7.1.2.1 Peperiksaan Teori Akhir dilaksanakan di akhir setiap semester.
- 7.1.2.2 Mesti lulus komponen kerja kursus **teori** dan **amali** bagi setiap subjek/CU modul/bab.
- 7.1.2.3 Masa dan bilangan soalan peperiksaan berpandukan skema pecahan soalan dan masa yang ditetapkan seperti dalam Jadual 17.
- 7.1.2.4 Markah lulus teori akhir bagi Persijilan Kemahiran Malaysia ialah markah purata yang diperolehi untuk semua subjek yang diambil pada setiap semester berdasarkan tahap yang ditetapkan.

7.1.3 Amali Akhir

- 7.1.3.1 Peperiksaan Amali Akhir dilaksanakan di akhir tahap/ semester akhir setiap program Sijil Teknologi, Sijil Lanjutan Teknologi, Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan Teknologi.
- 7.1.3.2 Tempoh peperiksaan amali akhir ialah **2 hingga 6 jam** dan dilaksanakan **hingga tamat** pada hari/tarikh yang sama.

A. SUBJEK TEKNIKAL (TEORI) Program Sijil dan Diploma					
BILANGAN KREDIT	1 kredit	2 kredit	3 kredit	4 kredit	* Penambahan 1 kredit, tambah 5 soalan
JUMLAH SOALAN	10	15	20	25	
JUMLAH SOALAN FINAL	BILANGAN KERTAS SOALAN	BIL SOALAN IKUT KERTAS			TEMPOH MASA
		KERTAS 1	KERTAS 2	KERTAS 3	
60 SOALAN	1 KERTAS	60	0	0	1 JAM 30 MINIT
60 – 100	2 KERTAS	40 – 50	40 – 50	0	1 JAM / KERTAS
101 – 160	3 KERTAS	50 – 60	50 – 60	50	1 JAM 30 MINIT / KERTAS
151 – 200	3 KERTAS	60 – 70	60 – 70	60	1 JAM 30 MINIT / KERTAS
51 – 60	1 KERTAS	51 – 60	NIL	NIL	1 JAM 15 MINIT / KERTAS
40 – 50	1 KERTAS	40 – 50	NIL	NIL	60 MINIT/ KERTAS
30 – 39	1 KERTAS	30 – 39	NIL	NIL	45 MINIT / KERTAS
10 – 29	1 KERTAS	< 30	NIL	NIL	30 MINIT / KERTAS
B. BAGI PROGRAM DIPLOMA SAHAJA BHG. A : SOALAN OBJEKTIF ANEKA PILIHAN (Merujuk Jadual Di Atas) BHG. B : DUA (2) SOALAN SUBJEKTIF SETIAP SUBJEK TANPA KIRA MATA KREDIT .					
PEPERIKSAAN AKHIR (40%) – SUBJEK UMUM (TEKNIKAL / BUKAN- TEKNIKAL / BINA INSAN)					MARKAH
1.	PROGRAM SIJIL ➤ 40 Soalan objektif aneka pilihan ➤ Masa i). Umum Teknikal : 1 jam 15 min ii). Umum Bukan-teknikal : 1 jam				40%
2.	PROGRAM DIPLOMA ➤ Bhg. A : 30 Soalan objektif aneka pilihan ➤ Bhg. B : 2 Soalan subjektif ➤ Masa : 1 jam 15 minit				Bhg. A : 30 Markah Bhg. B : 20 Markah

Jadual 17 : Format Pecahan Soalan dan Masa Peperiksaan Akhir Mengikut Kredit

Catatan : Untuk rujukan format soalan, Panduan Penggubalan Soalan yang berkuatkuasa perlu dirujuk bersama.

7.2 Peperiksaan Akhir Teori Subjek Umum Teknikal / Umum Bukan Teknikal

7.2.1 Syarat menduduki peperiksaan akhir teori Subjek Umum Teknikal / Umum Bukan Teknikal

- i. Jumlah kehadiran subjek sekurang-kurangnya 80%; dan
- ii. Lulus markah kerja kursus setiap elemen bagi setiap subjek.

7.2.2 Tempoh masa peperiksaan akhir teori Subjek Umum Teknikal / Umum Bukan Teknikal bilangan soalan seperti **Jadual 17**.

7.3 PELAKSANAAN ULANG NILAI PELUANG (UNP)

7.3.1 Pelajar yang mendapat keputusan **gagal** sesuatu subjek semasa dalam tempoh peperiksaan akhir setiap sesi adalah dibenarkan untuk menduduki UNP atas budi bicara KPL bagi Persijilan JPK atau KPST bagi persijilan ST atau KPD bagi peperiksaan subjek umum.

7.3.2 UNP hanya dibenarkan sebanyak **dua kali** sahaja untuk teori dan **sekali** untuk amali akhir. Skrip/bukti UNP hendaklah disimpan bersama dengan skrip/bukti peperiksaan asal.

7.3.3 Hanya **markah minima** akan diberikan kepada pelajar sekiranya **lulus** setelah menduduki UNP. Markah kerja kursus dikekalkan. Perincian UNP merujuk kepada Jadual 18.

BIL	KES ASAL (setelah menduduki peperiksaan)	TINDAKAN		KEPUTUSAN	PEMARKAHAN AKHIR
		UNP 1	UNP 2		
1.	Elemen : Subjek Teori akhir	Lulus	N/A	Lulus	Markah minimum lulus mengikut semester / tahap yang diambil kira
	Subjek : Teknikal / Umum Teknikal / Umum Bukan Teknikal	Gagal	Lulus	Lulus	Markah minimum lulus semester / tahap yang diambil kira
	Keputusan : Gagal	Gagal	Gagal	Gagal	Markah gagal asal yang diambil kira
2.	Elemen : Amali Akhir	Lulus		Lulus	Markah minimum lulus mengikut semester / tahap yang diambil kira
	Subjek : Teknikal	Gagal		Gagal	Markah gagal asal yang diambil kira
	Keputusan : Gagal				

Jadual 18 : Perincian Ulang Nilai Peluang (UNP)

8.0 PELAKSANAAN PENGULANGAN / MEMBAIKI GRED KESELURUHAN

8.1 Pelajar yang mendapat taraf akademik **LULUS BERSYARAT** sahaja.

8.2 **Pengulangan ulang nilai sebenar**– Gagal Teori Akhir dan/atau Amali Akhir dan/atau Portfolio dan/atau Projek Akhir dan/atau Lisan dan/atau Latihan Industri.

8.2.1 Peperiksaan ulangan dibuat berdasarkan subjek yang gagal sahaja.

8.2.2 Bagi calon Persijilan Kemahiran Malaysia dan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, pengulangan boleh dibuat dalam tempoh **satu** tahun selepas peperiksaan akhir kali pertama (kecuali LI) .

8.2.3 Bagi calon Persijilan Kemahiran Malaysia , pengulangan boleh dibuat dalam tempoh **satu** tahun selepas peperiksaan akhir kali pertama (kecuali LI) .

8.2.4 Bagi calon Persijilan Suruhanjaya Tenaga(ST) , pengulangan boleh dibuat dalam tempoh **dua** tahun selepas peperiksaan akhir kali pertama (kecuali LI) .

8.2.5 Pengulangan LI dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh setahun selepas tamat pengajian.

8.2.6 Pengulangan LI program ST dibenarkan sekali sahaja dan perlu dilaksanakan serta merta setelah tamat latihan industri yang pertama.

8.2.7 Bagi pengulangan persijilan, bayaran pendaftaran badan persijilan dikenakan kepada pelajar berdasarkan fi/bayaran yang telah ditetapkan.

8.2.8 Bayaran kepada badan persijilan hendaklah dibuat oleh pelajar dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf melalui ILKBS.

8.3 **Pengulangan CGPA** – Gagal Kerja Kursus dan /atau Peperiksaan akhir.

8.3.1 Pengulangan dibenarkan sekali sahaja.

8.3.2 Pelajar yang berstatus kedudukan **lulus bersyarat** sahaja dibenarkan.

8.3.3 Bagi pelajar yang telah tamat tempoh pengajian, Pengarah ILKBS boleh mempertimbangkan sekiranya terdapat permohonan atau rayuan daripada pelajar untuk menduduki pengulangan cgpa.

8.3.4 Tempoh maksimum dibenarkan bagi persediaan peperiksaan ialah sebulan (30 hari). Makan-minum dan penginapan disediakan oleh ILKBS.

- 8.4 Pelajar **tidak dibenarkan** untuk menduduki ulang nilai sebenar elemen berikut:
- 8.4.1 Elemen Kerja Kursus / Teori Akhir / Amali Akhir / LI / Core Ability /Projek Akhir sekiranya kehadiran subjek berkenaan kurang daripada 80% (< 80%)
 - 8.4.2 Elemen Teori Akhir / Amali Akhir / Projek Akhir sekiranya pelajar didapati tidak hadir tanpa kebenaran sesi penilaian akhir berkenaan.
- 8.5 Pengarah ILKBS hendaklah mengeluarkan notis makluman kepada pelajar yang berkenaan dalam tempoh **tujuh hari** bekerja selepas pengesahan keputusan dalam mesyuarat JKPI setiap kali sesi peperiksaan akhir dilaksanakan.
- 8.6 Bagi kes Para 8.4.1 dan 8.4.2, pelajar boleh mengemukakan rayuan bertulis kepada Pengarah ILKBS melalui Ketua Jabatan dalam tempoh **tujuh hari** bekerja selepas notis makluman dikeluarkan kepada pelajar berkenaan. Pengarah berhak menamatkan pengajian pelajar tersebut sekiranya rayuan tidak diluluskan.
- 8.7 Kelulusan menduduki ulang nilai tertakluk kepada keputusan Pengarah ILKBS.
- 8.8 Pelaksanaan ulang nilai dijadualkan serentak dengan sesi peperiksaan akhir bagi setiap sesi. Sesi 1 pada April dan Jun manakala Sesi 2 pada Oktober dan Disember setiap tahun.

9.0 SISTEM PEMARKAHAN DAN GRED

- 9.1 Penentuan gred, pemarkahan, mata nilai rujuk pada **Jadual 19** di bawah.

PEMARKAHAN DAN GRED		
Markah	Gred	Mata Nilai
95 – 100	A	4.00
90 – 94	A-	3.70
85 – 89	B+	3.30
80 – 84	B	3.00
75 – 79	B-	2.70
70 – 74	C+	2.30
60 – 69	C	2.00
50 – 59	C-	1.70
45 – 49	D+	1.30
40 – 44	D	1.00
30 – 39	E	0.70
0 – 29	F	0.00

Jadual 19: Pemarkahan dan gred

9.2 Taraf kedudukan pelajar seperti **Jadual 20** di bawah.

Kedudukan	Syarat	GPA
Lulus (L)	Lulus semua subjek dan memenuhi semua syarat	2.00 – 4.00
Lulus Bersyarat (LB)	Gagal mana-mana subjek dan tidak memenuhi syarat	2.00 – 4.00
Gagal (G)		< 2.00

Jadual 20: Taraf Kedudukan

10.0 PENGREKODAN MARKAH

- 10.1 Markah kerja kursus, penilaian akhir, projek akhir dan Latihan Industri hendaklah direkod dan ditadbir dengan baik.
- 10.2 Pemarkahan setiap elemen penilaian hendaklah sah, telus dan berdasarkan bukti-bukti penilaian yang telah dibuat oleh pelajar.
- 10.3 Semua bukti-bukti penilaian hendaklah disimpan, direkod dan ditadbirkan dengan baik bagi tujuan verifikasi.

11.0 STATUS KEDUDUKAN AKADEMIK PELAJAR

- 11.1 Sekiranya pelajar mendapat **dua** kali berturut-turut kedudukan Lulus Bersyarat (LB) dalam tempoh pengajian, statusnya bertukar ke kedudukan Gagal (G) dan pelajar berkenaan hendaklah **DITAMATKAN PENGAJIAN**.
- 11.2 Jika pelajar mendapat kedudukan Gagal (G) dengan $GPA < 2.00$ dalam tempoh pengajian selepas keputusan peperiksaan disahkan oleh JKPI, pelajar berkenaan **DITAMATKAN PENGAJIAN** dari mengikuti pengajiannya.
- 11.3 Bagi pelajar semester akhir atau pelajar akhir setiap program/tahap yang berkedudukan **Gagal**, pelajar berkenaan dibenarkan untuk melengkapkan keterampilan persijilan dengan membuat rayuan bertulis kepada Pengarah ILKBS. Tempoh masa untuk melengkapkan keterampilan berkenaan dibenarkan maksimum **tiga** bulan sahaja selepas JKPI bersidang. Elaun tidak diberikan. Makan-minum dan penginapan disediakan.
- 11.4 Pelajar berkenaan hendaklah membuat bayaran kepada badan persijilan berdasarkan fi/bayaran yang ditetapkan oleh badan persijilan untuk bagi tujuan keterampilan/kekompetenan dengan menduduki ulang nilai sebenar.

12.0 JAWATANKUASA PEPERIKSAAN IKBN @ ILKBS (JKPI)

- 12.1 Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan IKBN@ILKBS ini dipengerusikan oleh Pengarah ILKBS masing-masing.
- 12.2 Jawatankuasa Peperiksaan IKBN@ILKBS (JKPI) hendaklah mengesahkan keputusan peperiksaan, projek akhir dan Latihan Industri bagi setiap sesi dengan menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan atau yang akan ditetapkan dari masa ke semasa. Borang-borang tersebut hendaklah dihantar atau diserahkan ke Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia selewat-lewatnya dalam tempoh **satu** bulan selepas tarikh peperiksaan akhir.
- 12.3 Jawatankuasa Peperiksaan IKBN@ILKBS (JKPI) berhak untuk menamatkan pengajian seseorang pelajar sekiranya status pelajar pada **Kedudukan Gagal**.
- 12.4 Pihak ILKBS hendaklah mengeluarkan **slip keputusan** peperiksaan kepada semua pelajar setelah disahkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan IKBN@ILKBS (JKPI) pada setiap kali sesi peperiksaan .

13.0 LEMBAGA PENGESAHAN PEPERIKSAAN (LPP)

- 13.1 Mesyuarat LPP bertujuan untuk mengesahkan keputusan keseluruhan pelajar ILKBS setiap kali sesi peperiksaan.
- 13.2 LPP menyemak, meminda, mengubah atau membatalkan keputusan pelajar sekiranya terdapat kesilapan atau keraguan keputusan dari ILKBS.
- 13.3 LPP boleh menetapkan atau meminda gred dan pemarkahan tertakluk kepada keperluan semasa.
- 13.4 Keputusan yang disahkan oleh LPP adalah muktamad.
- 13.5 Penganugerahan Sijil Teknologi/ Sijil Lanjutan Teknologi/Diploma Teknologi / Diploma Lanjutan Teknologi akan dianugerahkan kepada pelajar yang mendapat kedudukan **LULUS (L) pada tahap Program Persijilan atau setaraf yang ditawarkan setelah melengkapkan semua keperluan program dan syarat-syarat lain yang ditetapkan.**
- 13.6 Pihak ILKBS hendaklah mengeluarkan **TRANSKRIP KEPUTUSAN RASMI** kepada pelajar selepas menerima laporan keputusan yang disahkan oleh LPP dari Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia.
- 13.7 Laporan keputusan yang telah disahkan oleh LPP hendaklah direkod dan disimpan dengan selamat oleh ILKBS dalam tempoh sekurang-kurangnya **empat tahun**.



14.0 URUSAN SERAH TERIMA SIJIL KEPADA PELAJAR

14.1 Sijil terdiri daripada:-

- a) Sijil Pengiktirafan Program (Sijil KBS @ Sijil Konvokesyen);
- b) Sijil Badan Pensijilan; (Cth ST, JKPP, JPK)
- c) Sijil Kecekapan;
- d) Slip / Transkrip

14.2 Pengarah ILKBS hendaklah melantik mana-mana personal dari Cawangan Penyelarasan Kualiti sahaja untuk membuat urusan serah terima sijil kepada pihak pelajar atau wakil pelajar.

14.3 Segala urusan serah terima sijil kepada pelajar atau wakil hendaklah direkod dengan kemas dan teratur.

15.0 TARIKH BERKUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa pada Januari 2018. Panduan sebelum ini, **Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian CGPA Versi 1.0 (2016)** adalah **DIBATALKAN**.

“ IKBN, PROFESIONAL TERUNGGUL ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

**KETUA PENGARAH,
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA,
KEMENTERIAN BELIA dan SUKAN MALAYSIA.**

31 OKTOBER 2017.

FORMULA PENGIRAAN GPA DAN CGPA

i. Formula pengiraan purata nilai gred (GPA)

GPA (Grad Point Average) adalah purata nilai gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam sesuatu semester. Ia dikira seperti berikut :-

$$\text{Jumlah matanilai (JMN)} = k_1 \times m_1 + k_2 \times m_2 + \dots + k_n \times m_n$$

$$\text{Jumlah kredit kira (JKK)} = k_1 + k_2 + \dots + k_n$$

$$\begin{aligned} \text{GPA} &= \frac{\text{Jumlah matanilai}}{\text{Jumlah kredit kira}} \\ &= \frac{k_1 m_1 + k_2 m_2 + \dots + k_n m_n}{k_1 + k_2 + \dots + k_n} \end{aligned}$$

dengan :

k_1, k_2, \dots = kredit bagi mata pelajaran berkenaan

m_1, m_2, \dots = matanilai yang diperolehi

n = bilangan matapelajaran yang diambil kira dalam semester tersebut

ii. Formula pengiraan purata nilai gred kumulatif (CGPA)

Purata nilai gred kumulatif (CGPA) atau (Cumulative Grade Point Average) adalah purata matanilaian gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi semua semester yang telah diikuti. Ia dikira seperti berikut :-

$$\begin{aligned} \text{CGPA} &= \frac{(\text{JMN})_1 + (\text{JMN})_2 + \dots + (\text{JMN})_n}{(\text{JKK})_1 + (\text{JKK})_2 + \dots + (\text{JKK})_n} \end{aligned}$$

dengan :

$(\text{JMN})_1, (\text{JMN})_2$ = jumlah matanilaian yang diperolehi dalam sesuatu semester

$(\text{JKK})_1, (\text{JKK})_2$ = jumlah kredit kira dalam sesuatu semester

n = bilangan semester yang telah diikuti

JADUAL PENGIRAAN MARKAH AKHIR TEORI BAGI PROGRAM SIJIL DAN SIJIL TEKNOLOGI UNTUK PEPERIKSAAN AKHIR TEORI SUBJEK TEKNIKAL CGPA

SEMESTER PELAJAR	SEM 1 – 4			
BIL. KREDIT SUBJEK	1	2	3	4
BIL.SOALAN	10	15	20	25
BIL. SOALAN BETUL	MARKAH DAPAT [20%]	MARKAH DAPAT [20%]	MARKAH DAPAT [20%]	MARKAH DAPAT [20%]
1	2.00	1.33	1.00	0.80
2	4.00	2.67	2.00	1.60
3	6.00	4.00	3.00	2.40
4	8.00	5.33	4.00	3.20
5	10.00	6.67	5.00	4.00
6	12.00	8.00	6.00	4.80
7	14.00	9.33	7.00	5.60
8	16.00	10.67	8.00	6.40
9	18.00	12.00	9.00	7.20
10	20.00	13.33	10.00	8.00
11		14.67	11.00	8.80
12		16.00	12.00	9.60
13		17.33	13.00	10.40
14		18.67	14.00	11.20
15		20.00	15.00	12.00
16			16.00	12.80
17			17.00	13.60
18			18.00	14.40
19			19.00	15.20
20			20.00	16.00
21				16.80
22				17.60
23				18.40
24				19.20
25				20.00


**CARTA LALUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI ILKBS
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

TEMPOH LATIHAN	TAHAP PERSIJILAN JPK						PERSIJILAN KBS	
	sem		sem		sem			
3 BULAN	10	DLKM 45	10	DLKM 45	10	DLKM 45	Dip. Lanjutan Teknologi (Program 05, 45,35)	
3 BULAN		TAHAP 5		TAHAP 5		TAHAP 5		
3 BULAN	9	LI	9	LI	9	LI		
3 BULAN		TAHAP 5		TAHAP 5		TAHAP 5		
3 BULAN	8	TAHAP 5	8	TAHAP 5	8	TAHAP 5		
3 BULAN		TAHAP 5		TAHAP 5		TAHAP 5		
3 BULAN	7	TAHAP 5	7	TAHAP 5	7	TAHAP 5		
3 BULAN		TAHAP 5		TAHAP 5		TAHAP 5		
3 BULAN	6	DKM 34	6	DKM 34	6	DKM 04		Diploma Teknologi (Program 04, 34)
3 BULAN		TAHAP 4		TAHAP 4		TAHAP 4		
3 BULAN	LI	LI	LI	LI	LI	LI		
3 BULAN	5	TAHAP 4	5	TAHAP 4	5	TAHAP 4		
3 BULAN		TAHAP 4		TAHAP 4		TAHAP 4		
3 BULAN	4	SKM 23	4	LI	4	TAHAP 4		
3 BULAN		TAHAP 3		SKM 03		TAHAP 3		
3 BULAN	3	TAHAP 3	3	TAHAP 3	3	TAHAP 3		
3 BULAN		TAHAP 3		TAHAP 3		TAHAP 3		
3 BULAN	LI	LI	LI	LI	LI	LI		
3 BULAN	2	SKM 02	2	TAHAP 2	2	TAHAP 2	Sijil Lanjutan Teknologi (Program 03, 23)	
3 BULAN		TAHAP 2		TAHAP 2		TAHAP 2		
3 BULAN	1	TAHAP 1	1	TAHAP 1	1	TAHAP 1		
3 BULAN		TAHAP 1		TAHAP 1		TAHAP 1		
3 BULAN	1	TAHAP 1	1	TAHAP 1	1	TAHAP 1	Sijil Teknologi (Program 02)	

- Catatan:
Carta laluan ini tertakluk kepada keperluan dan kelulusan badan persijilan.

LAMPIRAN "4"

**CARTA LALUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI ILKBS
PERSIJILAN SURUHANJAYA TENAGA (ST)**



- Catatan:
Carta laluan ini tertakluk kepada keperluan dan kelulusan badan persijilan.

**SINGKATAN UNTUK DIREKODKAN PADA RUANGAN "CATATAN"
BORANG BPKB-PH-004: KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR ILKBS**

LAMPIRAN "5"

- 1. TLP = TIDAK LENGKAP PENGAJIAN**
ERTINYA : PELAJAR YANG TELAH BERDAFTAR DENGAN ILKBS DI SETIAP SESI PENGAMBILAN TETAPI **TIDAK BERJAYA** MELENGKAPKAN PENGAJIAN (KERANA KES-KES TERTENTU) DI DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN.
- A)** PELAJAR MOHON BERHENTI (**MBH**) atau
B) DIBERHENTIKAN (**DBH**) / DIGANTUNG SEMESTER (**DGS**) atau
C) MOHON TANGGUH SEMESTER (**MTS**) / KEBENARAN TANGGUH PEPERIKSAAN (**KTP**)

BIL	SINGKATAN	KETERANGAN
A	MOHON BERHENTI (MBH)	
i	TK	Tawaran Kerja
ii	TB	Tawaran Belajar di Tempat Lain
iii	TM	Tidak Berminat / Malas
iv	SB	Sakit Berpanjangan
v	MK	Masalah Keluarga
B	DIBERHENTIKAN (DBH) / DIGANTUNG SEMESTER (DGS)	
i	DD	Dadah
ii	RK	Rokok
iii	BJ	Berjudi
iv	MC	Mencuri
v	MN	Menipu
vi	HM	Hamil
vii	KW	Berkhalwat
viii	PT	Ponteng Kelas
ix	KR	Kes Rogol
x	RD	"Ragging" / Mendera
xi	KJ	Kes Polis / Mahkamah
xii	MG	Mengugut dan Mengancam
xiii	PB	Memiliki Senjata Berbahaya
xiv	PD	Memalsukan Dokumen Rasmi
xv	BM	Minuman Keras / Bahan Memabukkan

**LAMPIRAN "5"**

xvi	MM	Bergaduh / Menghasut / Memulau / Menfitnah / Demonstrasi
xvii	BL	Bahan Lucah, Gangguan Umum dan SMS yang menimbulkan keadaan tidak selesa kepada pelajar dan pegawai lain
xviii	TH	Tidak Hadir Tanpa Cuti Selama Sebulan atau Lebih
xix	MD	Meninggal Dunia
xx	VD	Vandalisme
xxi	LL	Lari daripada Latihan
C	MOHON TANGGUH SEMESTER (MTS) / KEBENARAN PINDAH ILKBS(KPI) KEBENARAN TANGGUH PEPERIKSAAN (KTP)	
i	MS	Masalah Kesihatan
ii	MK	Masalah Keluarga
iii	MW	Masalah Kewangan
iv	MP	Masalah Peribadi
v	MT	Masalah Teman
vi	WN	Wakil Negara
vii	PI	Pindah ILKBS

CONTOH RINGKASAN UNTUK DIREKODKAN

Ringkasan	:	TLP(MBH)TB
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Pengajian (Mohon Berhenti) Tawaran Belajar di Tempat Lain
Ringkasan	:	TLP(DBH)PB
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Pengajian (Diberhentikan) Memiliki Senjata Berbahaya
Ringkasan	:	TLP(DGS)TH
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Pengajian (Digantung Semester) Tidak Hadir Tanpa Cuti Selama Sebulan atau Lebih
Ringkasan	:	TLP(MTS)MK
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Pengajian (Mohon Tangguh Semester) Masalah Keluarga
Ringkasan	:	TLP(KTP)MP
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Pengajian (Kebenaran Tangguh Peperiksaan) Masalah Peribadi

2. DTP = GAGAL dan DITAMATKAN PENGAJIAN

ERTINYA: PELAJAR YANG TELAH BERDAFTAR DENGAN ILKBS DI SETIAP SESI PENGAMBILAN DAN **BERJAYA** MELENGKAPKAN PENGAJIAN DI DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN TETAPI BERSTATUS **GAGAL** DENGAN MATA **GPA** KURANG DARIPADA **DUA (GPA < 2.00)**.

**RINGKASAN UNTUK DIREKODKAN PADA RUANGAN "CATATAN"
BORANG BPKB-PH-015: RINGKASAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR ILKBS**

Contoh: 3 TLP(MBH)TK 1 TLP(DBH)DD 2 TLP(DGS)LL 1 TLP(MTS)MS 1 TLP(KTP)MT

**SINGKATAN UNTUK DIREKODKAN PADA RUANGAN "CATATAN"
BORANG BPKB-PH-004(A): KEPUTUSAN LATIHAN INDUSTRI ILKBS**

KES 1
3. TLLI = TIDAK LENGKAP LATIHAN INDUSTRI

ERTINYA : PELAJAR YANG **TIDAK BERJAYA** MELENGKAPKAN LATIHAN INDUSTRI (KERANA KES-KES TERTENTU) DI DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN.

- A) DITAMATKAN LATIHAN INDUSTRI (DLI) / DIGANTUNG LATIHAN INDUSTRI (GLI) atau**
B) MOHON TANGGUH LATIHAN INDUSTRI (MTLI)

BIL	SINGKATAN	KETERANGAN
A	DITAMATKAN LATIHAN INDUSTRI (DLI) / DIGANTUNG LATIHAN INDUSTRI (GLI)	
	DLI = Pelajar tidak dibenarkan meneruskan atau mengulang Latihan Industri.	GLI = Pelajar hendaklah melengkapkan Latihan Industri selepas tempoh penggantungan tamat.
i	TM	Tidak Berminat
ii	DD	Dadah
iii	RK	Rokok
iv	BJ	Berjudi
v	MC	Mencuri
vi	MN	Menipu
vii	HM	Hamil
viii	KW	Berkhalwat
ix	KR	Kes Rogol
x	RD	"Ragging" / Mendera
xi	KJ	Kes Polis / Mahkamah
xii	MG	Mengugut dan Mengancam
xiii	PB	Memiliki Senjata Berbahaya
xiv	PD	Memalsukan Dokumen Rasmi
xv	BM	Minuman Keras / Bahan Memabukkan
xvi	MM	Bergaduh / Menghasut / Memulau / Menfitnah / Demonstrasi
xvii	BL	Bahan Lucah, Gangguan Umum dan SMS yang menimbulkan keadaan tidak selesa kepada pelajar dan pegawai lain
xviii	TH	Tidak Hadir Tanpa Cuti Selama Sebulan atau Lebih
xix	MD	Meninggal Dunia
xx	VD	Vandalisme
xxi	LL	Lari daripada Latihan

B	MOHON TANGGUH LATIHAN INDUSTRI (MTLI)/MOHON PINDAH TEMPAT LI (MPLI)	
i	MK	Masalah Keluarga
ii	MW	Masalah Kewangan
iii	MP	Masalah Peribadi
iv	MT	Masalah Teman
v	MS	Masalah Kesihatan
vi	SB	Syarikat Bermasalah
vii	WN	Wakil Negara
viii	PT	Pindah Tempat

KES 2

4. TLLI(KKP) = TIDAK LENGKAP LATIHAN INDUSTRI (KELULUSAN KETUA PENGARAH)

ERTINYA: PELAJAR YANG **DIKECUALIKAN** DARIPADA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DENGAN MEMOHON KELULUSAN KHAS DARIPADA KETUA PENGARAH BPKB.

BIL	SINGKATAN	KETERANGAN
A	KELULUSAN KETUA PENGARAH (KKP)	
i	ST	Sambung Tahap Di IKBN/IKTBN
ii	TB	Tawaran Belajar Di Tempat Lain
iii	TK	Tawaran Kerja
iv	KK	Kesihatan Khas

CONTOH RINGKASAN UNTUK DIREKODKAN

Ringkasan	:	TLLI(DLI)MD
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Latihan Industri (Ditamatkan Latihan Industri) Meninggal Dunia
Ringkasan	:	TLLI(GLI)LL
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Latihan Industri (Digantung Latihan Industri) Lari daripada Latihan
Ringkasan	:	TLLI(KKP)TK
Ayat Penuh	:	Tidak Lengkap Latihan Industri Dengan Kebenaran (Kelulusan Ketua Pengarah) Tawaran Kerja

RINGKASAN UNTUK DIREKODKAN PADA RUANGAN "CATATAN" BORANG BPKB-PH-015(A): RINGKASAN KEPUTUSAN LATIHAN INDUSTRI ILKBS

Contoh: 2 TLLI(DLI)DD 1 TLLI(GLI)RK 3 TLLI(MTLI)MP